



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


21 JULAI 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **474 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **76,927 kes**. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di daerah Beaufort. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 311 menjadikan jumlah kumulatif 72,059 orang. Seramai 3,597 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 526 orang di hospital, 2,032 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam manakala 1,030 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 66 orang dan 19 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Lahad Datu berubah dari zon merah ke zon jingga, Kuala Penyu berubah dari zon jingga ke zon kuning, Tambunan berubah dari zon hijau ke zon kuning, Tongod dan Ranau berubah dari zon jingga ke zon merah manakala Beluran berubah dari zon kuning ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 18 daerah
- Zon Jingga tiga (3) daerah
- Zon Kuning enam (6) daerah

Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Jumlah kes positif COVID-19 Sabah pada hari ini ialah **(474)** kes iaitu penurunan (183) kes berbanding (657) kes semalam (20 Julai 2021).
- b. Penurunan ini banyak dipengaruhi oleh ketiadaan kes positif baharu dari kluster penjara, kecuali lapan (8) kes dari Penjara Tawau.
- c. Manakala penyumbang utama kes hari ini adalah dari Saringan Kontak Rapat iaitu sebanyak (227) kes atau 47.9% dari kumulatif harian Negeri Sabah, diikuti dengan (71) kes atau 14.9% dari Saringan Bergejala. Saringan Bersasar dari kawasan PKPD mencatatkan (55) kes atau 11.6% dimana (38) kes dari jumlah itu direkodkan sebagai yang tertinggi di daerah Beaufort setakat ini.
- d. Hanya dua (2) kluster baharu dilaporkan hari ini iaitu Kluster Sawit Lung di Beluran (11) kes dan Kluster Industri KKIP Selatan Kota Kinabalu enam (6) kes, yang menyumbang 3.6% dari jumlah kes hari ini. Kluster sedia ada menyumbang (65) kes atau 13.7%.
- e. 90.5% daripada kes-kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2. Kategori 1, iaitu (184) kes adalah mereka yang tidak mengalami sebarang simptom dan Kategori 2 iaitu sebanyak (245) kes sekadar mengalami simptom ringan (mild). Kedua kategori pesakit ini tidak perlu dimasukkan di hospital untuk rawatan, sekadar ditempatkan di PKRC.
- f. Bilangan kes positif COVID-19 ini diperolehi melalui saringan berikut:
 - (227) kes adalah daripada Saringan Kontak Rapat
 - (82) kes adalah daripada Saringan Kluster
 - (71) kes adalah daripada Saringan Bergejala
 - (55) kes adalah daripada Saringan Bersasar
 - (39) kes adalah daripada Saringan Lain-lain kes.

ii. **Kedudukan berdasarkan daerah dan perbandingan kes Positif COVID-19 semalam**

a. Daerah yang mencatatkan peningkatan kes

13 daerah yang mencatatkan peningkatan kes berbanding semalam (20 Julai 2021) iaitu:

- Penampang (45) kes, peningkatan (+28) kes
- Ranau (22) kes, peningkatan (+19) kes
- Beluran (15) kes, peningkatan (+15) kes
- Keningau (24) kes, peningkatan (+15) kes
- Putatan (18) kes, peningkatan (+12) kes
- Beaufort (76) kes, peningkatan (+10) kes
- Semporna (7) kes, peningkatan (+7) kes
- Papar sembilan (9) kes, peningkatan (+4) kes
- Telupid dua (2) kes, peningkatan (+2) kes
- Kinabatangan dua (2) kes, peningkatan (+2) kes
- Lahad Datu empat (4) kes, peningkatan (+2) kes
- Kota Belud (12) kes, peningkatan (+1) kes
- Tenom dua (2) kes, peningkatan (+1) kes

b. Daerah yang kekal catatan mencatatkan kes sama

Satu (1) daerah yang mencatatkan kes baharu sebagaimana semalam (20 Julai 2021) iaitu:

- Kunak dua (2) kes

c. Daerah yang mencatatkan penurunan kes

12 daerah yang mencatatkan penurunan kes berbanding semalam (20 Julai 2021) iaitu:

- Kota Kinabalu (128) kes, penurunan (-120) kes
- Tawau (36) kes, penurunan (-101) kes
- Sandakan sembilan (9) kes, penurunan (-18) kes
- Kota Marudu satu (1) kes, penurunan (-14) kes
- Kudat (14) kes, penurunan (-12) kes
- Tuaran (19) kes, penurunan (-11) kes
- Sipitang (19) kes, penurunan (-11) kes
- Tongod enam (6) kes, penurunan (-6) kes
- Kalabakan satu (1) kes, penurunan (-4) kes
- Pitas sifar (0) kes, penurunan (-2) kes
- Kuala Penyu sifar (0) kes, penurunan (-1) kes
- Tambunan satu (1) kes, penurunan (-1) kes

d. Daerah yang mencatatkan Sifar (0) kes

Tiga (3) daerah yang mencatatkan sifar (0) kes pada hari ini iaitu:

- Pitas
- Kuala Penyu
- Nabawan

iii. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka yang tidak statik dan dengan jumlah catatan sebanyak (227) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

6 Terdapat **dua (2) kluster baharu** direkodkan hari ini.

- i **Kluster Sawit Lung - Beluran** melibatkan jangkitan dalam ladang yang disyaki berpunca daripada pematuhan SOP yang lemah. Kes indeks adalah lelaki, bukan warganegara, 35, bergejala sejak 12 Julai 2021, sebelum disahkan positif RTK-Ag dengan grading 80 peratus dalam saringan masuk ke ladang pada 14 Julai 2021. Pada hari yang sama, tiga (3) lagi kes positif dengan kaitan epidemiologi di tempat kerja. Daripada 40 kontak yang disaring, 11 kontak dikesan positif melibatkan rakan sekerja dan ahli keluarga sekaligus menjadikan jumlah kumulatif kes positif bagi kluster ini sebanyak 15 kes. Aktiviti siasatan dan kawalan masih lagi diteruskan.
- ii **Kluster Industri KKIP Selatan - Kota Kinabalu, Tuaran** berlaku di sebuah kilang plastik di kawasan perindustrian Kota Kinabalu. Kes indeks adalah operator kilang, lelaki, 20, disahkan positif COVID-19 melalui ujian RTK-Ag dengan grading 97% di Family Care Clinic Sepanggar pada 12 Julai 2021, selepas bergejala pada 09 Julai 2021. Kes indeks telah dimasukkan ke PKRC untuk rawatan lanjut. Daripada 45 sampel dalam kalangan kontak rapat yang diambil di daerah Kota Kinabalu, lapan (8) kes telah dikesan positif termasuk enam (6) kes baharu pada hari ini. Manakala 32 sampel negatif sementara lima (5) kes masih menunggu keputusan ujian saringan. Selain itu, empat (4) lagi kes dengan kaitan epidemiologi juga telah didaftarkan di daerah Tuaran, menjadikan jumlah kumulatif bagi kluster ini sebanyak 12 kes.

7 Jumlah kapasiti katil 5,954 unit

- Hospital 734 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,382 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 1,838 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 60.41%.

B PUNCA MEMPENGARUHI KES POSITIF COVID-19 HARI INI BERDASARKAN DAERAH-DAERAH

1. Daerah Kota Kinabalu (128) kes berpunca daripada:

- Saringan Kluster (15) kes daripada dua (2) kluster iaitu Kluster Agora Borneo sembilan (9) kes dan Kluster Industri KKIP Selatan enam (6) kes.
- (78) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- (21) kes daripada Saringan Bergejala
- Satu (1) kes daripada Saringan Bersasar
- (13) kes daripada Saringan Lain-lain kes

2. Daerah Beaufort (76) kes berpunca daripada:

- (28) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Empat (4) kes daripada Saringan Bergejala
- (38) kes daripada Saringan Bersasar
- Enam (6) kes daripada Saringan Lain-lain kes

3. Daerah Penampang (45) kes berpunca daripada:

- Enam (6) kes daripada Kluster Siasai Dundau
- (29) kes daripada Saringan Kontak Rapat

- Lapan (8) kes daripada Saringan Bergejala
- Dua (2) kes daripada Saringan Lain-lain kes

4. **Daerah Tawau (36) kes berpunca daripada:**

- Saringan Kluster (14) kes daripada dua (2) kluster iaitu Kluster Tembok Tawau Dua lapan (8) kes dan Kluster Serudung Baru enam (6) kes.
- (13) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Empat (4) kes daripada Saringan Bergejala
- Tiga (3) kes daripada Saringan Bersasar
- Dua (2) kes daripada Saringan Lain-lain kes

5. **Daerah Keningau (24) kes berpunca daripada:**

- (17) kes daripada Saringan Kluster Kayu Patikang.
- Lima (5) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Dua (2) kes daripada Saringan Lain-lain kes

6. **Daerah Ranau (22) kes berpunca daripada:**

- Empat (4) kes daripada Saringan Kluster Pekan Ranau
- (16) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Satu (1) kes daripada Saringan Bersasar
- Satu (1) kes daripada Saringan Lain-lain kes

7. **Daerah Tuaran (19) kes berpunca daripada:**
 - (14) kes daripada Saringan Kontak Rapat
 - Tiga (3) kes daripada Saringan Bergejala
 - Dua (2) kes daripada Saringan Lain-lain kes

8. **Daerah Sipitang (19) kes berpunca daripada:**
 - Enam (6) kes daripada Saringan Kluster Kampung Melamam
 - Sembilan (9) kes daripada Saringan Kontak Rapat
 - Empat (4) kes daripada Saringan Bergejala

9. **Daerah Putatan (18) kes berpunca daripada:**
 - Sembilan (9) kes daripada Saringan Kontak Rapat
 - Enam (6) kes daripada Saringan Bergejala
 - Tiga (3) kes daripada Saringan Lain-lain kes

10. **Daerah Beluran (15) kes berpunca daripada:**
 - (11) kes daripada Saringan Kluster Sawit Lung
 - Tiga (3) kes daripada Saringan Kontak Rapat
 - Satu (1) kes daripada Saringan Bergejala

11. **Daerah Kudat (14) kes berpunca daripada:**
 - Empat (4) kes daripada Saringan Kontak Rapat
 - Lima (5) kes daripada Saringan Bergejala
 - Empat (4) kes daripada Saringan Bersasar
 - Satu (1) kes daripada Saringan Lain-lain kes

12. **Daerah Kota Belud (12) kes berpunca daripada:**
- Lapan (8) kes daripada Kluster Siasai Dundau
 - Satu (1) kes daripada Saringan Kontak Rapat
 - Tiga (3) kes daripada Saringan Bergejala
13. **Daerah Sandakan sembilan (9) kes berpunca daripada:**
- Satu (1) kes daripada Saringan Kluster Kampung Istimewa Dua.
 - Lima (5) kes daripada Saringan Kontak Rapat
 - Dua (2) kes daripada Saringan Bersasar
 - Satu (1) kes daripada Saringan Lain-lain kes
14. **Daerah Papar sembilan (9) kes berpunca daripada:**
- Tiga (3) kes daripada Saringan Kontak Rapat
 - Empat (4) kes daripada Saringan Bergejala
 - Dua (2) kes daripada Saringan Saringan Lain-lain kes
15. **Daerah Semporna tujuh (7) kes berpunca daripada:**
- Tiga (3) kes daripada Saringan Kontak Rapat
 - Tiga (3) kes daripada Saringan Bergejala
 - Satu (1) kes daripada Saringan Lain-lain kes
16. **Daerah Tongod enam (6) kes berpunca daripada:**
- Enam (6) kes daripada Saringan Bersasar

17. **Daerah Lahad Datu empat (4) kes berpunca daripada:**
 - Satu (1) kes daripada Saringan Kontak Rapat
 - Tiga (3) kes daripada Saringan Bergejala

18. **Daerah Kunak dua (2) kes berpunca daripada:**
 - Satu (1) kes daripada Saringan Kontak Rapat
 - Satu (1) kes daripada Saringan Lain-lain kes

19. **Daerah Kinabatangan dua (2) kes berpunca daripada:**
 - Dua (2) kes daripada Saringan Lain-lain kes

20. **Daerah Telupid dua (2) kes berpunca daripada:**
 - Satu (1) kes daripada Saringan Kontak Rapat
 - Satu (1) kes daripada Saringan Bergejala

21. **Daerah Tenom dua (2) kes berpunca daripada:**
 - Dua (2) kes daripada Saringan Kontak Rapat

22. **Daerah Kalabakan satu (1) kes berpunca daripada:**
 - Satu (1) kes daripada Saringan Kontak Rapat

23. **Daerah Tambunan satu (1) kes berpunca daripada:**
 - Satu (1) kes daripada Saringan Kontak Rapat

24. **Daerah Kota Marudu satu (1) kes berpunca daripada:**
 - Satu (1) kes daripada Saringan Bergejala

**C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH
(KEMASKINI 21 JULAI 2021)**

BIL	DAERAH	BILANGAN LOKALITI PKPD
1	Beaufort	8
2	Keningau	6
3	Kota Belud	5
4	Kota Kinabalu	27
5	Kota Marudu	1
6	Kudat	4
7	Lahad Datu	2
8	Papar	3
9	Penampang	6
10	Pitas	3
11	Putatan	4
12	Sandakan	6
13	Sipitang	9
14	Tawau	9
15	Tongod	1
	JUMLAH	94

D PELAKSANAAN PKPD BARU

Sidang Khas MKN telah meneliti pembentangan oleh KKM dan setelah mengambil kira penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Kerajaan bersetuju untuk mengenakan PKPD di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Taman Merpati, Sandakan, Sabah	23 Julai 2021	5 Ogos 2021

E PELANJUTAN PKPD

Sidang Khas MKN juga telah meneliti pembentangan KKM mengenai situasi di lokaliti PKPD dan setelah mengambil kira penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Kerajaan bersetuju untuk melanjutkan PKPD di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Cadangan
1.	Kampung Istimewa, Batu Sapi, Sandakan, Sabah	22 Julai 2021	Dilanjutkan dari 23 Julai 2021 sehingga 5 Ogos 2021
2.	Kondominium One Borneo, Kota Kinabalu, Sabah	22 Julai 2021	Dilanjutkan dari 23 Julai 2021 sehingga 5 Ogos 2021

F PENAMATAN PKPD

Sidang Khas MKN setelah meneliti pembentangan KKM mengenai situasi semasa, Kerajaan bersetuju untuk menamatkan PKPD di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Kampung Sungai Imam, Tawau, Sabah	9 Julai 2021	Ditamatkan pada 22 Julai 2021 seperti yang dijadualkan
2.	Dua Perkampungan di Putatan, Sabah <ul style="list-style-type: none">• Kampung Lembising• Kampung Dumpil Keramat	9 Julai 2021	Ditamatkan pada 22 Julai 2021 seperti yang dijadualkan
3.	Kampung Balibata, Beaufort, Sabah	9 Julai 2021	Ditamatkan pada 22 Julai 2021 seperti yang dijadualkan

4.	Kampung Pintasan, Kota Belud, Sabah	9 Julai 2021	Ditamatkan pada 22 Julai 2021 seperti yang dijadualkan
----	-------------------------------------	--------------	--

G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 65,396 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,415 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **5,488** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 451,290 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula, **1,781** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 309,436 orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 6,723 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 1,012,791 (Mysejahtera 931,045: Laman Web 81,483: Talian Vaksinasi 263) bersamaan 36.7.%

H BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **345,379** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

I LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 124 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 24,224 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 177 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 60 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 37 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Tiga (3) Orang : Tidak Memakai Pelitup Muka/Tidak Memakai Pelitup Separuh Muka Dengan Betul.
 - 11 Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - Enam (6) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
 - 17 Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 74 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 28 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1,427 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
 - ii Satu (1) kompaun dikeluarkan kepada pemilik premis atas kesalahan gagal melaksanakan penjarakan fizikal. Kompaun dikeluarkan oleh Majlis Daerah Tenom.
 - iii Sebanyak sepuluh (10) notis peringatan dikeluarkan iaitu dua (2) di daerah Penampang, tujuh (7) di daerah Keningau dan satu (1) di daerah Lahad Datu.
 - iv Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan penguatkuasaan pematuhan SOP ke atas 136 premis perniagaan dan 236 individu di 18 kawasan. Satu (1) kompaun dikenakan kepada premis kerana pekerja tidak memakai pelitup muka di Restoran Harish Curry House, Kolam Plaza Hilltop (1 orang). Tiada kompaun dikenakan atas individu.

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 208 Premis Perniagaan melibatkan 103 anggota APM. Sebanyak 21 Notis Amaran dikeluarkan kepada Premis perniagaan yang tidak mengikut SOP.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 85 anggota di 101 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 14 premis, melibatkan tujuh (7) buah daerah pada hari ini.
- 8 Sejumlah 148 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 10 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 118 hebahan di seluruh Sabah.

J KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	96%
2	Kunak	96%
3	Beluran	96%
4	Kinabatangan	96%
5	Tenom	96%
6	Papar	96%
7	Kota Marudu	96%
8	Sipitang	95.5%
9	Kota Kinabalu	95.5%
10	Ranau	95.5%
11	Tuaran	95%
12	Penampang	95%
13	Tawau	95%
14	Keningau	95%
15	Beaufort	95%
16	Kota Belud	95%
17	Kudat	95%
18	Lahad Datu	95%
19	Sandakan	95%

- 2 Pelan Pemulihan Negara merupakan panduan bagi setiap rakyat untuk bersama berusaha keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MenangBersama

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**